

EKSPERIMENTASI TANAH LIAT ALTERNATIF DI KAWASAN SUNGAI, RUMAH CHUA NANGA MAM, KANOWIT SARAWAK

Experimentation of Alternative Clay in The River Area, Chua Nanga Mam's House, Kanowit Sarawak

Muhammad Safwan Mohd Shariff¹, Harozila Ramli²

^{1,2}Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA
muhammadsafwanshariff5037@gmail.com¹, harozila@fskik.upsi.edu.my²

Published: 31 December 2023

To cite this article (APA): Mohd Shariff, M. S., & Ramli, H. (2023). Eksperimentasi Tanah Liat Alternatif di Kawasan Sungai, Rumah Chua Nanga Mam, Kanowit Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 48–55. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.5.2023>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kadar kebolehkeraan tanah liat alternatif di kawasan sungai, rumah Chua Nanga Mam, Kanowit Sarawak. Hasil kajian ini menfokuskan kepada pengaplikasian penggunaan tanah liat alternatif terhadap penghasilan karya seni kreatif seramik. Dimana, peserta dalam kajian ini menjalankan kajian eksperimentasi di kawasan perumahannya. Dijalankan selama 5 minggu secara berturut-turut. Hasil kajian ini dijalankan secara atas talian melalui perkongsian dan pembentangan dapatan setiap minggu bersama penyelidik. Hasil kajian eksperimentasi ini bersandarkan model praktis studio seramik dalam pembentukan kreativiti artistik terhadap penghasilan karya seni kreatif berasaskan tanah liat alternatif. Melibatkan proses utama iaitu psikologi, humanistik dan konstruktivisme sepanjang fenomenologi dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kejayaan sebanyak 90% sehingga penghasilan karya seni kreatif memberi impak yang menarik terhadap teknik kemahiran tangan berasaskan eksperimentasi tanah liat alternatif. Lantaran itu, kadar keberhasilan tanah liat alternatif dikawasan kajian sangat bagus dan mempunyai kadar keplastikan yang baik. Pengaplikasian teknik asas seramik pada karya juga memenuhi syarat dan berkesan berpandukan model praktis studio seramik yang disediakan. Antaranya, ia boleh diaplikasikan secara meluas dalam meningkatkan minat dan pengiat seramik dalam mempelajari teknik kemahiran tangan. Selain itu, ianya menjimatkan kos dan modal. Moga kajian eksperimentasi ini mampu menjadi salah satu rujukan dan panduan kepada pihak pendidik dalam menerapkan ilmu ini dalam sistem pendidikan seni di sekolah.

Kata kunci: eksperimentasi, kebolehkeraan, aplikasi, teknik, alternatif

ABSTRACT

This study aims to examine the workability rate of alternative clay in the river area, Chua Nanga Mam's house, Kanowit Sarawak. The results of this study focus on the application of the use of alternative clay to the production of creative ceramic works of art. Where, the participants in this study conducted an experimental study in their residential area. Run for 5 consecutive weeks. The results of this study are carried out online through the sharing and presentation of findings every week with the researchers. The results of this experimental study are based on the practical model of the ceramic studio in the formation of artistic creativity for creative artworks based on alternative clay. Involving the main process of psychology, humanistic and constructivism throughout the phenomenology in this study. The findings of the study show a career of 90% so that the production of creative works of art has an interesting impact on hand skill techniques based on alternative clay experimentation. Therefore, the success rate of alternative clay in the study area is very good and has a good plasticity rate. The application of basic ceramic techniques to the work also meets the requirements and is effective based on the practical model of the ceramic studio provided. Among them, it can be widely applied in increasing the interest and ceramicists in learning hand skill techniques. In addition, it saves costs

and capital. May this experimental study be able to become one of the references and guides for educators in applying this knowledge in the art education system at school.

Keywords: *experimentation, workability, application, technique, alternative*

PENGENALAN

Tanah merupakan komponen utama dalam penghasilan seramik. Kegunaan seramik telah sebatu dalam kehidupan masyarakat. Kegunaannya dapat dilihat dalam keagamaan, aksesori dan barang kegunaan harian. Perkembangan kegunaan seramik telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini telah mencipta keunikan dan *utility* pelbagai. Namun penggunaannya terhadap kepada sumber tanah yang dibekalkan pada hari ini. Tiada prosedur atau bahan alternatif dalam membantu membekalkan sumber tanah untuk dijadikan bahan tambahan dalam proses penghasilan. Jadi dalam kajian ini, ianya akan menfokuskan kepada kajian eksperimentasi terhadap penggunaan tanah di lokasi yang terpilih oleh peserta. Kajian eksperimentasi ini dilakukan selama 5 minggu. Kajian ini menfokuskan kepada kawasan persekitaran rumah peserta. Kawasan yang dipilih adalah kawasan tepi sungai yang berhamorian kawasan kediaman.

Kajian ini, diadaptasikan dalam penggunaan model praktis studio seramik, Tajul 2020. Tujuannya adalah sebagai panduan untuk memproses tanah liat yang dikitar semula kepada tanah liat alternatif yang memberi fungsi kepada sumber baharu dalam penghasilan seramik. Selain itu, ianya diaplikasikan dengan penggunaan teknik asas seramik dalam proses penghasilan produk seni kraf seramik kreatif. Berdasarkan kajian lepas, penghasilan seramik kontemporari dapat dihasilkan dengan mendakan tanah lumpur sungai Cameron Highland, Shariff.M.S 2020. Selain itu, jasad tanah liat juga dapat diaplikasikan dalam penggunaan seramik dengan syarat ianya mempunyai kandungan mineral yang sesuai. Tanah liat juga boleh dijadikan sumber bahan untuk menghasilkan seramik kontemporari, Tajul 2004.


Kajian eksperimentasi ini dijalankan sebagai satu alat pengujian kadar keberhasilan model praktis studio seramik di lokasi berbeza. Dimana peserta ini, akan menjalankan penyelidikan dan kajian eksperimentasi berasaskan kampung halaman sendiri sebagai lokasi kajian. Penggunaan ini kurang berjaya, sekiranya tanah liat tersebut mempunyai kandungan bendasing yang banyak serta kadar keplastikan yang kurang Shariff.M.S 2020. Kajian terhadap nilai estetika juga diambil kira termasuk reka corak dan ragam hias, Tajul 2007. Nilai estetika juga wujud apabila reka corak yang diaplikasikan itu unik dan mempunyai pelbagai kegunaan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh sebab ketiadaan satu prosedur khusus dalam pengaplikasian penggunaan tanah liat di kawasan yang tiada pengusahaan seramik di seluruh Malaysia. Penggunaan dan kepakaran dalam penghasilan produk seramik terhadap. Tiada formula dan rujukan khusus yang boleh digunapakai untuk menghasilkan tanah liat alternatif berasaskan sumber tanah kitar semula. Jadi dalam kajian ini, pengaplikasian penggunaan tanah liat alternatif di sekitar kawasan peserta sebagai satu kajian eksperimentasi terhadap tanah kitar semula. Kajian ini berpandukan kepada model praktis studio seramik. Selain itu ianya dilakukan dalam tempoh masa selama 5 minggu sahaja yang meliputi proses mengenal pasti lokasi tanah liat alternatif dan penghasilan karya seramik. Penghasilan ini akan diawasi dan dibimbing oleh penyelidik didalam alam maya dengan menggunakan aplikasi *google meets* dan *whatsapp* sebagai alat bantu hubung yang berkesan.

Tujuan seterusnya adalah untuk menguji kadar keboleherjaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian. Mengambil kira faktor geografi, penempatan, bentuk muka bumi dan kemudahan sedia ada baik dalam dan luar bandar sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Pengaplikasian dan penggunaan ICT dan kemudahan teknologi semasa digunakan sebagai alat bantu mengajar. Hal ini dapat membantu dan memudahkan proses PdP, disokong dalam petikan oleh Ramli, Harozila., Said, Tajul Shuhaizam., Hazman, Mohamad NurHanif Bin; Malek & Syamrul Nizam Abdul; Hussin, Ridzuan 2019.

KAEDAH KAJIAN



Rajah 1: Model Praktis Studio Seramik bersandarkan kepada teori Edmund

Sumber: Diadaptasi oleh Safwan Shariff 2020

Pada peringkat awal penggunaan tanah liat alternatif diaplikasikan dalam bentuk kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Dimana kajian mengfokuskan kepada penggunaan tanah liat alternatif melalui pengaplikasian terhadap penggunaan sumber tanah liat di kawasan kediaman peserta sendiri. Namun begitu ia bersandarkan pada model praktis studio seramik dan berpandukan kepada teori Edmund, ia menjadi kayu ukur kepada tahap pencapaian dalam kajian ini seperti psikonanalisis, humanistik dan konstruktivisme. Penekanan kepada keseluruhan kajian ini adalah berdasarkan kepada soal selidik, pemerhatian sepanjang proses pelaksanaan kajian dan analisis hasil dapatan secara terperinci dan berhemah. Kajian ini dijalankan terhadap 100% kajian eksperimentasi tanah liat alternatif. Kaedah kajian secara keseluruhan akan berfokuskan kepada kreativiti artistik dalam proses penghasilan karya kreatif.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian, penyeidik akan berkongsikan beberapa dapatan yang akan diterangkan secara ringkas dan padat berkaitan dengan kajian eksperimentasi tanah liat alternatif di kawasan sungai, Rumah Chua Nanga Mam, Kanowit Sarawak. Peserta juga membuat kadar banding daripada 3 kawasan yang ditarget oleh beliau sebagai kawasan khusus dalam kajian eksperimentasi ini.



Gambar 1: Lokasi Pilihan 1 Peserta

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Lokasi pilihan yang dipilih oleh peserta (Alexander) adalah di kawasan berhampiran dengan rumah beliau iaitu, di Sungai Rejang, Rumah Chua Nanga Mam, Kanowit Sarawak. Kawasan yang dipilih merupakan kawasan yang mempunyai peratusan yang tinggi seperti tanah liat biasa yang diperolehi dalam pasaran. Peserta juga dapat menguji kadar keplastikan dengan menggunakan teknik lingkaran atau cincin. Tujuannya adalah untuk melihat kadar keplastikan tanah liat alternatif yang diperolehi. Berdasarkan pengamatan peserta tanah liat pertama yang diperolehi menunjukkan kadar keplastikan kurang memuaskan. Keadaan tanah liat alternatif tersebut mudah retak dan patah.



Gambar 2: Lokasi 2 Peserta

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Lokasi seterusnya adalah sungai yang sama, namun ia berada di laluan air berhampiran dengan lokasi 1. Kawasan yang diperolehi ini adalah kawasan tebing sungai. Dimana hasil keplastikan yang ditunjukkan oleh tanah liat alternatif ini baik dan mudah dibentuk. Sumber tanah ini juga diambil berdasarkan keadaan keplastikan tanah liat tersebut.



Gambar 3: Lokasi 3 Peserta

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Lokasi akhir yang dipilih oleh peserta adalah di Sungai Mam. Keadaan sungai ini lebih baik kerana berada dekat dengan kawasan tanah kebun. Selain itu, kadar keplastikan yang ditunjukkan dalam proses pengujian kadar keplastikan adalah sangat baik. Tanah liat alternatif tersebut kelihatan mempunyai keliatan yang tinggi berbanding lokasi yang lain.



Gambar 4: Proses Penghasilan Tanah Liat Alternatif

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Seterusnya, responden membawa balik hasil dapatan tanah liat alternatif ke rumah untuk diproses. Peserta merendam dengan air dan membiarkan beberapa ketika untuk mengasingkan kandungan bendasing. Seterusnya, tanah liat tersebut ditapis dan direndam kembali untuk mendapatkan hasil yang baik dan memuaskan. Selanjutnya, peserta menyejatkan dan mengantungkan tanah liat alternatif tersebut untuk mendapatkan hasil yang baik dengan kadar keplastikan yang bagus. Akhirnya, selepas disejatkan dan digantung, bungkusan tersebut dibuka dan diuji, dengan membentuk bentuk ring (cincin). Tujuannya adalah untuk melihat kadar keplastikan tanah liat yang diproses ini.



Gambar 5: Penghasilan Karya Kreatif Seramik

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff (Alexander) 2020

Berdasarkan gambar rajah diatas, peserta mula menghasilkan karya dengan membina bahagian tapak dahulu. Masa yang diambil berdasarkan keadaan dan kelembapan tanah liat alternatif tersebut. Peserta menggunakan kaedah *cut* iaitu kaedah cantuman pada badan karya. Responden mengasingkan bahagian badan karya, setelah ia sesuai untuk dicantum, peserta menggunakan gam tanah liat (slip). Slip atau gam menjadi bahantara pelengkap antara 2 badan karya tersebut dengan mengores dengan teknik silang pangkah atau bersesuaian sebelum ia dicantumkan. Hasilnya, gerak kerja peserta menjadi pantas dan cepat. Seterusnya, peserta melakukan kekemasan pada badan karya. Setelah karya mula mengeras peserta mula meletakkan reka corak yang diinginkan pada karya. Progress gerak kerja yang dijalankan oleh peserta ini

bukanya bersahaja. Namun ianya dihasilkan dengan membuat kajian dan penyelidikan yang teliti terhadap tokoh dan karya pilihannya. Selepas itu peserta menghasilkan lakaran dan membuat perkembangan idea.



Gambar 6: Kekemasan dan penelitian terhadap proses penghasilan

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Berdasarkan gambar diatas, ianya dapat dilihat ketekunan peserta dalam menghasilkan karya yang asalnya daripada bentuk 2D kepada 3D. Pengamatan dan penelitian terhadap proses yang dilaksanakan haruslah berhati hati dan cermat. Tahap kemahiran tangan dalam penghasilan seramik kontemporari berasaskan tanah liat alternatif ini memainkan peranan penting sebagai tanda kejayaan terhadap hasil yang dituai sendiri berasaskan model yang disediakan. Peserta banyak menghabiskan masa pada peringkat kekemasan bertujuan untuk menimbulkan kesan pergerakan dan kadar banding pada rekacorak agar dapat menghasilkan karya seni kreatif yang menarik. Peserta mula menerapkan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilannya. Pengamatan dan ketekunan ini membuahkan hasil yang cemerlang. Hasil yang diperolehi mevisualkan nilai indah dari segi rekacorak. Kreativiti pada rekacorak dan proses penghasilan juga membuktikan bahawa peserta dengan mudah mengadaptasikan kemahiran dan mempelajari dengan baik menerusi pengamatan terhadap penggunaan teknik asas seramik.



Gambar 7: Hasil Pembakaran dan Perwarnaan

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Peserta juga berjaya melaksanakan proses penghasilan pengaplikasian lakaran dua dimensi (2D) kepada Tiga dimensi (3D) dengan cemerlang. Selain itu, peserta juga berjaya melakukan pembakaran secara manual. Pembakaran yang dilakukan adalah secara salai (para). Masa yang diambil selama 5jam. Seterusnya, peserta menumpukan masa yang cermat pada peringkat ini. Penumpuan dan sifat disiplin yang sabar perlu dipraktikkan dengan sewajarnya berdasarkan model praktis studio seramik (Geran Penyelidikan KPT 2020). Pengaplikasian dan pengolahan corak serta warna memainkan peranan penting dalam menonjolkan

hasil yang kreatif berasaskan kajian eksperimentasi. Peserta berjaya menghasilkan karya seni dengan kemas dan sempurna. Peserta menggunakan *spray clear* bagi meenimbulkan pencahayaan dan memberi daya tarikan kepada audien. Selain itu, penggunaan warna dan rekacorak yang dihasilkan berjaya menimbulkan keunikan dan nilai estetika.



Gambar 9: Hasil Dapatan Tanah Liat Alternatif dalam Bentuk Karya Kreatif Seramik

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020

Berdasarkan pengamatan gambar diatas, peserta berjaya membuktikan kebolehgunaan terhadap tanah liat alternatif dalam penghasilan karya seni kreatif. Selain itu, penggunaan gabungan teknik asas dalam penghasilan karya seni kreatif berjaya diaplikasikan dalam bentuk karya kreatif. Peserta berjaya menghasilkan gerak kerja dengan cermat dengan mengadaptasikan dan mengaplikasikan kemahiran tangan dengan kemas. Kejayaan yang ditunjukkan oleh peserta ini dapat disimpulkan bahawa teknik kemahiran tangan berjaya dipelajari persamaan dengan kemahiran dalam mewarna dan mengolah. Kejayaan ini menjadi satu prosedur khusus yang boleh dijadikan rujukan, membimbing dan mendorong kearah berdaya saing dan berkreaitif.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian eksperimentasi yang dijalankan berdasarkan penggunaan tanah liat alternatif di Kanowit ini berhasil. Hasil dapatan menunjukkan teknik yang diaplikasikan oleh peserta amat kemas dan teliti serta dapat daplikasikan secara atas talian berdasarkan skop dan prosedur terperinci yang telah disediakan. Reka corak dan pengamatan melalui model praktis studio seramik berkesan melalui pengaplikasian berasaskan skop dan prosedur yang di khususkan. Buktinya, peserta berjaya menghasilkan karya seni kreatif berdasarkan pengamatan yang dijalankan. Semoga kajian yang dijalankan ini mendapat perhatian oleh pihak luar dalam penambahbaikan kearah melahirkan generasi yang lebih kreatif dan mencintai ilmu dalam mengekalkan identiti agar tidak ditelan arus pemodenan.

Selanjutnya, kadar keberhasilan yang ditunjukkan oleh peserta sebanyak 99% berjaya. Pelaksanaan kajian eksperimentasi berkesan dan berjaya dari aspek ekspolarasi, praktis, aplikasi, teknik dan produk. Kadar keplastikan baik dan pengaplikasian model praktis studio seramik juga berkesan dalam kajian yang dijalankan. Selain itu, penyelidik mengharapkan agar kawasan yang dipilih oleh responden ini dapat dijadikan satu lokasi khas untuk mendapatkan sampel sebagai simpanan dan rekod kadar kebolehgunaan tanah liat alternatif. Penyelidik mengharapkan dengan hasil yang ditunjukkan ini, ianya menjadi tarikan dan minat kepada mereka setempat untuk mencuba dan mempraktikannya.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah merupakan sebahagian daripada penyelidikan FRGS /1/2020/SS10/UPSI/01/2 yang bertajuk Pembangunan Model Praktis Studio Seramik Menerusi Manipulasi Pegguaan Semula Mendakan Tanah Lumpur Sungai (MTLS) Sebagai Jasad Tanah Liat Alternatif dengan kod penyelidikan 2020-0237-107-02. Jutaan terima kasih penghargaan kepada KPT yang telah menaja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Brazil anak mission (2007), Kombinasi seramik dan bahan buangan industry dalam penghasilan karya seni.
- Haslinda Md.Nazri. (2018). Aspek Sosial dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak. *Idealogy*, 3(2) : 79-90, 2018
- Rutter, O. (2016). *British North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Rutter, O. (2016). *The Pagans of Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Saidatul Nornis Hj Mahali 2019, Pelestarian dan pemerkasakan budaya tempatan borneo
- Safwan Shariff (2020), Mendakan Tanah Lumpur Sungai sebagai tanah liat alternatif untuk penghasilan seramik kontemporari, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Safwan Shariff, Tajul Shuhaizam, Harozila Ramli 2020, Eksperimentasi tanah liat habu sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari, *Kupas Seni*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Safwan Shariff, Tajul Shuhaizam, Harozila Ramli 2021, Aplikasi Model Praktis Studio Seramik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Terhadap Penerokaan Kreatif Dan Kritis Berasaskan Tanah Liat Alternatif
- Shamsu Mohamad. 2005. *The Malay pottery in Malaysia*. Asia Ceramics Network Conference. Seoul, South Korea. 12-18 January.
- Ramli, Harozila., Said, Tajul Shuhaizam., Hazman, Mohamad NurHanif Bin; Malek & Syamrul Nizam Abdul; Hussin, Ridzuan 2019, The development and evaluation of an interactive multimedia module for the topic of art elements of the visual art education subject, *International Journal of Innovation, Creativity and Change* Volume 10, Issue 6, Pages 246 - 258
- Tajul Shuhaizam Bin Said, Nov 2007. *Estetika Tembikar Tradisi Mambong*, Kelantan.
- Tajul Shuhaizam Bin Said, Kod Penyelidikan UPSI; 02-04-22-03, 2004, Eksperimentasi Bahan Alam dan Tanah Liat Sebagai Satu Hasil Karya Seramik
- Wray, L. 1903. *The Malay Pottery of Perak*. *The Journal of the Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* 33:24-25.
- Yahya Buntat & Norhusna Mohamed (2017). Aplikasi Pemikiran Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Guru-Guru Teknikal Bagi Mata Pelajaran Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Johor. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.